



Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Di Letakkan di papan notis pada : 18.8.2025


**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar di Majlis Daerah Tangkak, serta memiliki Sijil-sijil di bawah **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK dalam **Gred dan Kategori, Sijil Kewangan (MOF)** dan telah dibuat pendaftaran dengan JCCD yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhususan	Harga (RM)
MDT.17-1/ 36/ 2025/ PROJEK	Menaik Taraf Papantanda Jalan Dan Nama Taman Di Kaw. Tangkak, Bukit Gambir Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan	G1	CE21	RM 30.00
MDT.17-1/ 37/ 2025/ PROJEK	Penggantian Pagar, Naik Taraf Tandas, Naik Taraf Surau, Pencerhayaan Di Pitstop Tangkak, Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan, Md Tangkak	G2	B04 & CE21	RM 50.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **19hb Ogos 2025 (Selasa)** sehingga **26hb Ogos 2025 (Selasa)** dari **8.00 pagi** hingga **4.00 petang** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak, 84900 Tangkak, Johor. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama **"MAJLIS DAERAH TANGKAK"**. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. **WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK BOLEH DITERIMA** selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e)(5).
3. Hanya **SEORANG** penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.

4. Setiap penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama **salinan lesen Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK yang telah **DISAHKAN**, **Sijil Kewangan (MOF)** dan **Sijil Kontraktor Johor (SKJ)** oleh **Johor Centre for Construction Development (JCCD)** bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.
5. Bagi penyebutharga kelas **G2** ke atas adalah **DIINGATKAN** supaya mengemukakan salinan seperti berikut :
 - i. **SALINAN LESEN YANG BERKAITAN**
 - ii. **SALINAN PENYATA BANK SYARIKAT BAGI 3 BULAN TERAKHIR YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK**
 - iii. **SENARAI PENGALAMAN KERJA BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN TERUTAMANYA BAGI KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM TAHUN SEMASA DAN TAHUN 2024**
6. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga dibenarkan menghantar secara kurier di Majlis Daerah Tangkak sebelum jam **12.00 tengahari** pada **26hb Ogos 2025 (Selasa)**
7. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.



(HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.

Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
www.mdtangkak.com.my